

TARIKH: 6/12/23

SURAT KHABAR: Harian Metro

MUKA SURAT: 16

'Masalah gaji pekerja perlu kerjasama semua pihak'

Kuala Lumpur: Pelaksanaan gaji minimum yang diperkuuhkan dengan dasar gaji progresif pekerja swasta serta kenaikan gaji penjawat awam, dilahat mampu membantu merancakkan kembali ekonomi negara.

Untuk itu, Pengarah Program MBA, Putra Business School (PBS) Prof Madya Dr Ahmed Razman Abd Latiff berkata, isu ke-naikan tangga gaji pekerja swasta perlu ditangani terlebih dulu dengan komitmen semua pihak terutama majikan, supaya cakna memberikan imbuhan setimpal dengan prestasi pekerja mereka.

Katanya, kerajaan hanya boleh menggalakkan namun tidak boleh memaksa majikan menaikkan gaji pekerja swasta, kecuali melalui pelaksanaan gaji minimum dan dasar gaji progresif sahaja.

"Masalah gaji pekerja memerlukan kerjasama semua pihak iaitu kerajaan yang melaksanakan dasar gaji progresif dan gaji minimum.

"Pada masa sama, majikan sektor swasta berperanan memastikan setiap pekerja mereka mendapat pampasan sewajarnya berdasarkan prestasi dan produktiviti mereka," katanya kepada Harian Metro.

Beliau mengulas berkaitan bayangan kerajaan mahu meningkatkan gaji penjawat awam dan elauan pesara bermula 2024 selari



"Kenaikan gaji pekerja swasta ini akan diberi majikan jika pekerja itu menaik taraf kemahiran mereka"

Ahmed Razman

dengan usaha merancakkan ekonomi negara sedangkan gaji pekerja swasta masih di takuk lama.

Mengulas lanjut, Ahmed Razman berkata, menerusi pelaksanaan dasar gaji progresif, pekerja swasta akan dapat menikmati ke-naikan gaji terutama yang bergaji rendah di sektor tertentu.

"Kenaikan gaji pekerja swasta ini akan diberi majikan jika pekerja itu menaik taraf kemahiran mereka yang membolehkan mereka lebih produktif.

"Apabila pekerja semakin produktif, syarikat akan menjana pendapatan lebih tinggi yang akan menyumbang kepada keuntungan lebih tinggi sekali gus membolehkan majikan memberi gaji lebih tinggi kepada pekerja mereka yang produktif ini," katanya.

Kelmarin, Menteri Komunikasi dan Digital Fahmi Fadzil memberi bayangan bahawa kerajaan akan mengumumkan peningkatan gaji penjawat awam dan elauan pesara bermula tahun depan.

Harian Metro
6/12/23
ms 16